

POTENSI PENINGKATAN TAHAP PENDIDIKAN, KEMAHIRAN, DAN  
PRODUKTIVITI KOMUNITI BELIA LUAR BANDAR (RURAL YOUTH) YANG  
TIDAK MENYAMBUNG PENGAJIAN

ALIAS BIN MASEK

GERAN STG  
NO. VOT 1292

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

## ABSTRAK

Dalam menghadapi era pembangunan yang semakin berkembang pesat, belia perlu mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan latihan kemahiran dimana belia merupakan aset penting kepada Negara dan menjadi tunggak utama dalam pembangunan ini. Namun, masih terdapat ramai belia terutamanya di kawasan luar bandar yang tidak menyambung pengajian dalam bidang akademik mahupun latihan kemahiran. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti latar belakang belia yang tidak menyambung pengajian, inisiatif belia untuk menyambung pengajian, kecenderungan bidang pengajian, dan faktor halangan bagi belia yang tidak menyambung pengajian. Kajian tinjauan menggunakan soal selidik telah dijalankan secara rawak terhadap 53 orang belia di sekitar Parit Raja. Data dianalisis menggunakan kekerapan, peratusan, dan min skor. Dapatan menunjukkan bahawa golongan belia yang tidak menyambung pengajian majoritinya terdiri daripada belia lelaki iaitu 38 orang manakala inisiatif yang diambil oleh belia yang tidak menyambung pengajian berada pada tahap yang tinggi (Min = 3.53). Bagi kecenderungan minat belia terhadap bidang pengajian pula, ia berada pada tahap yang tinggi (Min = 3.98) iaitu pada bidang teknik dan vokasional. Faktor keluarga menjadi punca utama mengapa belia tidak menyambung pengajian berbanding faktor halangan yang lain (Min = 3.62). Secara keseluruhannya, belia di kawasan luar bandar ini berpotensi untuk menyambung pengajian dalam bidang akademik dan latihan kemahiran, namun terdapat halangan dan kekangan yang menyebabkan mereka tidak dapat meneruskan apa yang diinginkan. Implikasinya, promosi harus dijalankan secara lebih giat lagi bagi memberi pendedahan kepada belia luar bandar terhadap kepentingan menyambung pengajian sama ada dalam bidang akademik mahupun latihan kemahiran.

## ABSTRACT

In an era of rapidly increasing development, youth must prepare themselves with knowledge and skills training where youth are an important asset to the State and become a key support of this development. However, there are still several youth especially in rural areas who do not continue their studies in the field of academic and skills training. Therefore, this study aims to identify the background of youth who do not continue their studies, youth initiatives to continue their studies, trend studies, and limitation factors for youth who do not continue their studies. A survey study was conducted randomly to 53 youths around Parit Raja using a questionnaire. Data were analyzed using percentage, frequency, and mean score. The findings show that youth who do not continue their studies comprise the majority of young men which is 38 people while the initiatives reserved by youth who do not continue their studies are at a high level (Mean = 3.53). For the tendency of youth interest to the field of study, it is at a high level (Mean = 3.98), especially for technical and vocational education. Family factor is main reason why youth do not continue their studies compared to other resistance factors (Mean = 3.62). In conclusion, youths in rural areas have the potential to continue their studies in academic and skills training, but they are faced several barriers that cause them to be unable to continue what they want. An implication, the campaign must be pursued more actively for giving exposure to rural youth on the importance of continuing their studies either in academy or skills training.

**ISI  
KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>ii</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>iii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>vi</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang masalah	4
	1.3 Pernyataan masalah	5
	1.4 Objektif kajian	6
	1.5 Persoalan kajian	6
	1.6 Kepentingan kajian	7
	1.7 Andaian kajian	8
	1.8 Skop kajian	9
	1.9 Batasan kajian	9
	1.10 Definisi istilah dan operasi	9
	1.10.1 Belia	9
	1.10.2 Luar bandar	10
	1.10.3 Tahap kemahiran	11
	1.10.4 Taraf pendidikan	11
	1.10.5 Tidak menyambung pengajian	11

**BAB 2 SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	12
2.2	Pendidikan Teknik dan Vokasional	12
2.2.1	Modal insan melalui pembangunan sumber manusia	13
2.2.2	Minda kelas pertama	14
2.3	Implikasi belia yang tidak menyambung pengajian	16
2.4	Kerjaya belia	17
2.5	Impak belia yang menganggur	18
2.5.1	Status pekerjaan	18
2.5.2	Aktiviti sosial	19
2.6	Faktor belia tidak menyambung pelajaran	19
2.7	Kaedah menggalakkan pendidikan luar bandar	21
2.8	Rumusan	21

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	22
3.2	Reka bentuk kajian	22
3.3	Lokasi kajian	23
3.4	Populasi dan persampelan	23
3.5	Instrumentasi kajian	24
3.6	Kajian rintis	26
3.7	Prosedur pengumpulan data	27
3.8	Pelan analisis data	28
3.9	Rumusan	29

**BAB 4 ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	30
4.2	Analisis demografi	30
4.2.1	Analisis jantina	31
4.2.2	Analisis umur	31
4.2.3	Analisis bangsa	32
4.2.4	Analisis kelulusan akademik tertinggi	32

4.2.5	Analisis pengalaman bekerja	33
4.2.6	Analisis latar belakang keluarga responden	33
4.3	Analisis persoalan kajian	34
4.3.1	Inisiatif belia untuk menyambung pengajian	34
4.3.2	Kecenderungan bidang pengajian belia	35
4.3.3	Faktor halangan belia untuk menyambung pengajian dalam bidang akademik ataupun latihan kemahiran	37
4.4	Rumusan	38

## **BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	39
5.2	Perbincangan dapatan kajian	39
5.2.1	Latar belakang responden	40
5.2.2	Inisiatif belia luar Bandar untuk menyambung pengajian	42
5.2.3	Kecenderungan bidang pengajian belia luar bandar	43
5.2.4	Faktor halangan belia luar Bandar dalam menyambung pengajian	44
5.3	Kesimpulan	45
5.4	Cadangan	46
5.4.1	Cadangan kepada pihak kerajaan	47
5.4.2	Cadangan kajian lanjutan	47

<b>RUJUKAN</b>	48
----------------	----

**SENARAI JADUAL**

3.1	Lokasi dan sampel kajian	23
3.2	Skala Likert	26
3.3	Tafsiran skor min dan interpretasi	26
3.4	Intrepretasi skor <i>alpha cronbach</i>	27
3.5	Kaedah analisis persoalan kajian	28
4.1	Bilangan responden mengikut jantina	31
4.2	Bilangan responden mengikut umur	32
4.3	Bilangan responden mengikut kelulusan akademik tertinggi	33
4.4	Latar belakang responden mengikut status pekerjaan	33
4.5	Analisis bagi inisiatif belia untuk menyambung pengajian	35
4.6	Analisis bagi kecenderungan bidang pengajian belia luar bandar yang tidak menyambung pengajian	36
4.7	Analisis minat responden terhadap bidang teknikal dan vokasional	36
4.8	Analisis responden mengikut bidang yang minat	37
4.9	Analisis faktor halangan yang dominan bagi belia luar bandar yang tidak menyambung pengajian	38

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Malaysia sering dikaitkan dengan impian mencapai status sebagai sebuah Negara maju menjelang Wawasan 2020. Wawasan 2020 yang dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari 1991 oleh Yang Amat Berhormat Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad (Redwan & Zulkifli, 2004). Antara aspek yang dibentangkan ialah pembentukan sebuah Negara Malaysia yang benar-benar maju pada tahun 2020 mengikut acuan sendiri. Justeru, rakyat Malaysia perlulah berganding bahu dalam merealisasikan matlamat tersebut. Bagi menyempurnakan tugas ini, kerajaan meletakkan golongan belia sebagai tonggak masa depan negara melalui aspek pembangunan modal insan seperti yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) (Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2010). Oleh yang demikian, golongan belia dilihat perlu memainkan peranan dalam mempersiapkan diri dengan pelbagai aspek termasuklah pendidikan mahupun dalam bidang kemahiran.

Generasi belia adalah merujuk kepada individu yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, tafsiran umur ini adalah berbeza di pelbagai negara (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, IPPBM, 2013). Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mentafsirkan bahawa belia merupakan individu yang berumur 15 hingga 24 tahun. Kajian ini, peyelidik mengambil nilai umur bagi belia diantara 15 – 40 tahun.

Belia adalah sebagai aset dan pemangkin negara yang memainkan peranan penting untuk mencorakkan bentuk, nilai dan gaya hidup masyarakat sesebuah negara pada masa akan datang. Pembangunan belia dianggap penting untuk diberikan perhatian bagi memastikan bahawa negara dapat meneruskan kelangsungan pembangunan seperti yang telah dirancang.



Menurut Mohd dan Junaidi (2012), belia di seluruh dunia menghadapi cabaran globalisasi. Globalisasi tidak semestinya baik dan menguntungkan semua pihak kerana globalisasi ada membawa kebaikan dan dalam masa yang sama terdapat juga kesan negatif terhadap masyarakat dunia. Dalam konteks perkembangan media, globalisasi memberi satu peluang baru dari segi akses kepada media dan teknologi maklumat yang merangsang kebolehdapatan maklumat dengan meluas dan pantas. Cabaran pembangunan dunia sekarang ini tertumpu kepada k-ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Selaras dengan itu, negara yang ingin terus maju tidak dapat lari daripada menyediakan warganya menjadi masyarakat bermaklumat.

Berdasarkan laporan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia 2006-2011, data menunjukkan bahawa golongan belia dianggarkan seramai 12.02 juta orang atau 42.5% daripada keseluruhan penduduk Malaysia yang berjumlah 28.25 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011). Dengan jumlah sebesar ini, golongan belia harus dilihat sebagai satu golongan yang mempunyai pengaruh besar dalam menggerakkan pembangunan negara. Berdasarkan penyiasatan tenaga buruh pula, Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2011 terdapat seramai 7.6 juta belia yang telah bekerja dan 0.3 juta belia yang menganggur. Ianya terbahagi kepada belia bandar dan luar bandar. Daripada statistik tersebut, terdapat 5.2 juta merupakan belia bandar dan hanya 2.4 juta belia luar bandar. Bilangan ini menunjukkan bahawa golongan belia tidak boleh dipinggirkan dalam menggerakkan ekonomi negara. Pendidikan memainkan peranan penting dalam mendidik dan membentuk generasi terutamanya generasi belia dalam membangunkan Negara (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013).

Malaysia mempunyai tahap pendidikan yang baik setanding dengan negara-negara maju. Namun, masih ramai lagi belia yang mempunyai taraf pendidikan yang rendah yang dikhuatiri menjadi punca kepada pengangguran. Pada tahun 2000, dianggarkan seramai 6.2 juta orang pelajar telah menamatkan pengajian di peringkat sekolah dan pengajian tinggi. Pada tahun 2005, seramai 6.7 juta orang telah menamatkan pengajian di peringkat sekolah dan pengajian tinggi. Daripada kajian tersebut, dijangkakan seramai 7.9 juta orang menamatkan pelajaran pada tahun 2010. Pada tahun 2000, seramai 5.78 juta belia mempunyai tahap pendidikan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan hanya 1.30 juta mempunyai pendidikan di tahap pasca SPM. Manakala pada tahun 2005, didapati 6.53 juta belia mempunyai tahap pendidikan PMR dan SPM dan hanya 1.82 juta

mempunyai pendidikan di tahap pasca SPM. (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Tahap pendidikan awal ini akan turut memberi impak kepada tahap pendidikan peringkat universiti dan lepasan universiti.

Dalam pada Malaysia mempunyai bilangan belia seramai 12.02 juta orang, terdapat lepasan graduan yang dihasilkan pada ketika ini menghadapi masalah untuk mendapat pekerjaan. Pada 24 September hingga 7 Oktober 2005 satu kajian menerusi “Pendaftaran Siswazah Menganggur dan Guna Tenaga di Kalangan Siswazah” telah dijalankan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (Majlis Tindakan Ekonomi Negara, 2005). Dalam kajian tersebut, 69,250 orang siswazah yang mendaftar dimana terdapat 59,250 siswazah yang masih menganggur, bekerja sementara atau pekerjaan mereka tidak setara dengan kelayakan masing-masing. Daripada jumlah itu, 24,608 atau 41.5% betul-betul menganggur, iaitu tidak mempunyai sebarang pekerjaan manakala bakinya 36,642 atau 61.8% sudah bekerja secara tidak tetap atau jawatan yang disandang tidak setara dengan tahap kelulusan. Kebanyakan daripada mereka memperoleh pendapatan kurang RM 1,000 sebulan (Ali & Nordin, 2010).

Kejayaan seseorang individu dalam bidang pekerjaan banyak dipengaruhi oleh faktor minat mereka terhadap kerjaya yang diceburi. Kecenderungan mereka untuk melakukan sesuatu kerja dengan penuh minat akan menambahkan lagi keyakinan diri untuk berjaya. Menurut kajian Yahya dan Asadul (2010), didapati belia Melayu FELDA (*The Federal Land Development Authority*) bersetuju bahawa pengaruh minat dalam pemilihan kerjaya dalam bidang pertanian berada pada tahap tinggi. Terdapat dua faktor yang mempengaruhi seseorang itu menerokai alam pekerjaan. Pertama adalah tahap minat yang tinggi dimiliki oleh seseorang itu dalam melakukan sesuatu aktiviti dan kedua ditambah dengan kebolehan personal untuk memperolehi kepuasan daripada pekerjaan yang diterokai.

Bagi mengurangkan kadar pengangguran negara, kerajaan telah menggalakkan golongan belia menceburi bidang kemahiran dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) (Mukhtar, Roddin & Sapawi, 2009). Dalam pada itu terdapat lima Peranan Pendidikan bagi memenuhi Wawasan 2020 yang telah digariskan. Salah satu perkara yang berkaitan dengan PTV adalah membekalkan pelajar dengan kemahiran asas bagi membolehkan mereka mengendalikan kehidupan secara produktif dalam bidang teknologi, perdagangan dan ekonomi yang kompleks dan sentiasa berubah. Bukan sahaja menjadi pengguna kepada kecanggihan teknologi tetapi juga tahu membuat sesuatu inovasi dan kemajuan kepada teknologi. Daripada cabaran tersebut

dapatlah dinyatakan di sini bahawa bidang teknikal adalah amat penting dalam merealisasikan wawasan 2020. Sungguhpun segala usaha ini telah diambil, masih terdapat sebilangan belia yang tidak menyambung pengajian sama ada dalam pendidikan atau kemahiran bagi meningkatkan produktiviti mereka, khususnya di luar bandar.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM, 2013), terdapat 5 jenis bantuan kerajaan yang paling diharapkan oleh belia untuk mencapai keperluan hidup masa kini. Antaranya bantuan kewangan (24.6 %), menambah peluang pekerjaan (23%), menurunkan harga barang dengan lebih berpatutan (16.5%), memberi peluang pendidikan (15.8%) dan memberikan pinjaman perumahan (9%). Disini kita dapat lihat bahawa belia mengharapkan kerajaan membuka peluang pekerjaan kerana dirasakan peluang yang sedia ada tidak mencukupi. Ini adalah salah satu faktor penyebab belia tidak bekerja. Manakala bagi aspek pendidikan pula, ada kalangan belia yang memerlukan bantuan untuk melanjutkan pendidikan mereka. Berdasarkan fakta ini, belia sebenarnya bukan tidak mahu meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran, tetapi halangan sedemikianlah yang membantutkan hasrat mereka.

Budaya hidup keluarga dan sistem pendidikan awal turut mempengaruhi kelangsungan hidup selepas tamat pendidikan pada tahap tertentu. Berdasarkan kajian lepas (Adam, Kassim & Salleh, 2009), terdapat beberapa faktor yang menyebabkan taraf pendidikan yang rendah bagi belia luar bandar. Faktor yang pertama ialah kemiskinan. Kebanyakan ibu bapa luar bandar lebih memberi tumpuan terhadap pencarian rezeki dalam meneruskan kelangsungan hidup. Hal-hal berkaitan pendidikan anak-anak di sekolah dibiarkan kepada pihak sekolah yang menguruskannya.

Akibat daripada faktor kemiskinan tersebut, terdapat ibu bapa yang kurang memberi perhatian terhadap pendidikan anak-anak mereka. Secara umumnya, kebanyakan kajian menunjukkan pencapaian akademik pelajar banyak bergantung pada status kemiskinan dan saiz sesebuah keluarga tersebut. Saiz sesebuah keluarga yang besar dan tahap kemiskinan yang tinggi memberikan kesan yang negatif kepada

pencapaian seseorang pelajar (Luster & Mc Adoo, 1996). Hassan *et al.* (2005) turut menyatakan bahawa salah satu faktor utama yang dikenal pasti adalah perkaitan antara kemiskinan dengan pendidikan. Ketidakseimbangan sosioekonomi dan wujudnya golongan miskin mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik di kalangan pelajar mengikut kaum dan lokasi. Faktor kemiskinan, keluarga, pelajar, sekolah, dan persekitaran banyak mempengaruhi kelemahan pelajar Bumiputera khususnya pelajar Melayu dalam akademik terutamanya dalam aspek bahasa, angka, pembelajaran, dan perkembangan minda.

Menurut Hassan *et al.* (2005) juga, pendidikan yang diberikan khususnya kepada golongan miskin mampu membantu mereka untuk memperoleh kemahiran bagi mendapatkan pekerjaan yang lebih baik daripada buruh upah rendah, meningkatkan daya saing, dan meningkatkan pendidikan anak-anak mereka. Pendidikan ibu bapa atau penjaga juga memberi kesan *intergenerational effects* khususnya terhadap tahap dan pencapaian pendidikan anak-anak serta keupayaan untuk mengubah mobiliti sosial. Kesemua ini mempunyai implikasi yang besar ke atas pembangunan masyarakat dan sumber tenaga manusia negara.

Sesetengah sekolah luar bandar masih tidak dilengkapi dengan peralatan berteknologi dalam membantu sistem pembelajaran. Menurut Hassan *et al.* (2005) lagi, kaedah pembelajaran dan pengajaran yang kurang berkesan serta kekurangan motivasi tenaga pengajar untuk pembangunan sistem pendidikan telah menjurus kepada masalah keciciran pelajar. Hal ini menyebabkan pelajar kurang berminat terhadap pembelajaran. Oleh sebab itu, keputusan akhir pelajar-pelajar berkenaan adalah tidak memuaskan kerana kurangnya minat terhadap pembelajaran.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Golongan belia merupakan salah satu aset negara yang penting dalam menjadi tunggak pembangunan negara pada masa akan datang. Masih terdapat ramai belia yang tidak mempunyai kesedaran untuk menyambung pelajaran dalam bidang pendidikan mahupun latihan kemahiran. Namun, terdapat segelintir golongan belia yang berminat untuk menyambung atau meneruskan tahap pendidikannya tetapi dihalangi oleh faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan. Melalui bidang pendidikan teknikal dan vokasional, mungkin dapat membantu para belia yang berpotensi untuk

meningkatkan tahap kemahiran dan pendidikan seterusnya menjadikan belia yang lebih berdaya saing dan berkarisma demi masa depan negara kelak. Pemerhatian awal mendapati masih ramai belia yang tidak menyambung pengajian dan tidak berkemahiran. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti golongan belia yang tidak menyambung pengajian serta mengetahui potensi peningkatan golongan komuniti belia dalam meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran dalam kalangan belia luar bandar.

#### **1.4 Objektif Kajian**

- i) Mengkaji latar belakang belia Parit Raja yang tidak menyambung pengajian akademik atau latihan kemahiran
- ii) Mengkaji inisiatif belia untuk menyambung pengajian akademik atau latihan kemahiran bagi belia Parit Raja
- iii) Mengkaji kecenderungan bidang pengajian belia Parit Raja bagi yang tidak menyambung pengajian akademik atau latihan kemahiran.
- iv) Mengkaji faktor halangan yang dominan bagi belia Parit Raja yang tidak menyambung pengajian akademik atau latihan kemahiran untuk menyambung pengajian

#### **1.5 Persoalan Kajian**

- i) Apakah latar belakang belia Parit Raja yang tidak menyambung pengajian akademik atau latihan kemahiran ?
- ii) Bagaimanakah inisiatif belia untuk menyambung pengajian akademik atau latihan kemahiran bagi belia Parit Raja?
- iii) Apakah kecenderungan bidang pengajian belia Parit Raja bagi yang tidak menyambung pengajian akademik atau latihan kemahiran.?
- iv) Apakah faktor-faktor halangan yang dominan bagi belia Parit Raja yang tidak menyambung pengajian akademik atau latihan kemahiran untuk menyambung pengajian?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak berikut :

- i. **Kementerian Luar Bandar**  
Kajian ini penting bagi mambantu pihak Kementerian Luar Bandar dalam mengenalpasti golongan belia luar bandar yang masih lagi tidak menyambung pengajian mereka dalam bidang akademik mahupun kemahiran. Dengan itu, pihak kementerian akan mengambil langkah yang sepatutnya seperti mengkaji spesifikasi pusat-pusat kemahiran yang telah dilaksanakan. Ini adalah untuk menarik minat belia bagi mengikuti latihan kemahiran yang disediakan.
- ii. **Jabatan Kebajikan Masyarakat**  
Kajian ini diharapkan juga dapat memberi bantuan kepada belia yang tidak mampu untuk meneruskan pengajian kerana masalah kemiskinan dengan bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bantuan dari Jabatan Kabajikan Masyarakat dapat disalurkan kepada pihak yang memerlukan.
- iii. **Masyarakat**  
Kajian ini juga diharapkan dapat membantu masyarakat dengan masalah sosial yang berpunca daripada golongan belia yang tidak bekerja ini. Disamping itu, masyarakat sekeliling juga dapat membantu golongan belia ini mencari peluang-peluang untuk meneruskan pengajian atau meningkatkan kamahiran mereka.
- iv. **Ibu Bapa**  
Kepentingan kajian ini terhadap ibu bapa ialah apabila pihak-pihak tertentu dapat membantu membiayai pendidikan anak-anak mereka. Dengan itu, ianya dapat meringankan ibu bapa yang berpendapatan rendah dalam menanggung yuran atau perbelanjaan anak belia mereka yang ingin meneruskan pengajian di peringkat kemahiran atau akademik.

v. **Belia**

Sudah semestinya kajian ini dilakukan untuk membantu para belia dalam meneruskan pengajian mereka dalam bidang akademik ataupun bidang kemahiran. Kadar pengangguran golongan belia dapat dikurangkan jika peluang yang sesuai dengan kelayakan belia dapat dilaksanakan. Kajian ini juga diharapkan dapat mengurangkan penglibatan belia dalam perkara yang tidak berfaedah.

### **1.7 Andaian kajian**

Kajian-kajian yang lepas, kebanyakan pengkaji yang mengkaji tentang masyarakat di kawasan luar bandar lebih menumpukan kajian terhadap sosio ekonomi masyarakat di kawasan tersebut. Oleh itu dalam kajian ini, penyelidik akan menjalankan kajian dengan mengenal pasti tahap pendidikan golongan belia yang tidak menyambung pengajian. Di samping itu, kajian turut mengandaikan bahawa ada segelintir golongan belia telah membuat permohonan untuk melanjutkan pengajian tetapi dihalangi oleh beberapa faktor seperti keputusan yang tidak menepati syarat dan terlalu memilih kos untuk menyambung pengajian.

Selain itu, penyelidik beranggapan bahawa tahap kesedaran yang rendah terhadap pendidikan khususnya bagi golongan ibu bapa dan masyarakat di luar bandar merupakan salah satu faktor yang membawa kepada kemunduran pendidikan dalam kalangan anak-anak mereka. Selaras dengan objektif kedua, kajian ini akan menilai tahap kesedaran ataupun inisiatif golongan belia yang tidak menyambung pengajian tentang kepentingan pendidikan dan hala tuju kehidupan mereka pada masa hadapan. Penyelidik turut mengandaikan bahawa masyarakat di luar bandar mempunyai cabaran dalam mendapatkan pendidikan untuk anak-anak mereka. Lazimnya, masalah kemiskinan hidup yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar akan membawa kepada masalah dalam kehidupan mereka. Andaian mengenai terdapatnya cabaran dalam memberi pendidikan kepada anak-anak mereka adalah disebabkan faktor kemiskinan yang dihadapi. Oleh itu, kajian ini cuba mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh isi rumah miskin dalam mendapatkan pendidikan.

## **1.8 Skop Kajian**

Kajian dijalankan tertumpu kepada golongan belia di kawasan Parit Raja yang tidak menyambung pengajian dalam bidang akademik ataupun bidang kemahiran di tiga buah kampung di Parit Raja. Antara kampung yang terlibat ialah Kampung Haji Ali, Kampung Parit Daun dan Kampung Parit Lapis. Kajian ini akan meninjau latar belakang golongan belia yang tidak menyambung pengajian dalam bidang kemahiran atau akademik. Selain itu, kajian ini ingin mengenalpasti inisiatif, kecenderungan serta faktor-faktor halangan yang dominan bagi golongan belia luar bandar dalam meneruskan pengajian mereka.

## **1.9 Batasan Kajian**

Kajian ini adalah berkaitan dengan latar belakang dan cabaran yang dihadapi oleh golongan belia Parit Raja dalam meneruskan pengajian mereka dalam bidang akademik dan kemahiran. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menfokuskan kajian terhadap kawasan luar bandar di tiga buah kampung di Parit Raja iaitu daerah Batu Pahat, Johor sahaja. Langkah ini diambil memandangkan batasan dari segi masa, kos dan masalah dalam pentadbiran penyelidikan khususnya dalam menyebarkan borang kaji selidik. Batasan ini timbul kerana pengkaji merupakan seorang pelajar yang perlu menghadiri kuliah. Masalah lain adalah kesukaran untuk mendapatkan sampel belia yang tidak menyambung pengajian kerana kebanyakan mereka tidak berada di rumah. Walau bagaimanapun pemilihan lokasi kajian dibuat berdasarkan kepada faktor kekangan dari segi logistik, sumber dan keupayaan sendiri (Ghafar, 2003).

## **1.10 Definisi Istilah dan Operasi**

### **1.10.1 Belia**

Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 668) mentakrifkan bahawa belia adalah golongan yang berumur antara 15 – 40 tahun.



### 1.10.2 Luar Bandar

Abdul (2008), menyatakan luar bandar merujuk kepada satu kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang sedikit jumlahnya berbanding kawasan bandar. Jumlah penduduk di kawasan luar bandar adalah kurang daripada 10,000 orang. Di kawasan ini juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan agak terhad dan tidak meluas. Selain itu, kawasan ini mempunyai pengaruh sosial yang kurang berbanding kawasan bandar. Terdapat beberapa definisi luar bandar yang ditakrifkan oleh agensi-agensi kerajaan dan juga luar negara seperti berikut:

a. **Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000**

Takrif kawasan bandar ialah “Kawasan yang diwartakan serta kawasan tepubina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini yang mempunyai penduduk seramai 10,000 atau lebih semasa Banci Penduduk dan Perumahan 2000” manakala kawasan selainnya dan mempunyai jumlah penduduk kurang daripada 10,000 orang ditakrifkan sebagai kawasan luar bandar.

b. **Jabatan Perancangan Bandar dan Desa**

Kawasan desa merupakan kawasan selain daripada kawasan bandar. Ia merupakan petempatan yang meliputi semua jenis kampung dan penempatan kecil yang kurang daripada 10,000 orang penduduk dan bercirikan kawasan pertanian serta kawasan sumber alam semulajadi. Faktor-faktor yang ditekankan dalam mendefinisikan kawasan desa adalah seperti berikut:

- i. Saiz bilangan penduduk yang minima dan maksima
- ii. Kepadatan penduduk
- iii. Tahap urbanisasi
- iv. Tahap kemudahan masyarakat dan kualiti hidup (contoh: jalan yang berturap, bekalan elektrik, bekalan air dan lain-lain)

Ciri-ciri kawasan desa adalah meliputi semua jenis kampung atau petempatan kecil yang kurang dari 10,000 orang yang tinggal secara berkelompok, sejajar dan bertaburan seperti kampung tradisi, kampung Orang Asli, petempatan ladang dan kampung baru.

### **1.10.3 Tahap kemahiran**

Tahap kemahiran bermaksud peringkat dan tingkat. Dalam kajian ini, tahap merupakan peringkat-peringkat prestasi kemahiran belia yang tidak menyambung pengajian.

### **1.10.4 Taraf pendidikan**

Taraf Pendidikan ialah perihal mendidik. Pendidikan merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran kepakaran khusus, dan juga sesuatu yang tidak dapat dilihat tetapi lebih mendalam dalam pemberian pengetahuan, pertimbangan dan kebijaksanaan.

### **1.10.5 Tidak menyambung pengajian**

Dalam kajian ini, istilah tidak menyambung pengajian adalah golongan yang tidak meneruskan pengajian sama ada telah tamat pengajian yang sebelumnya ataupun menarik diri dari pengajian. Golongan yang hanya bekerja sambil di kawasan kampung juga dikategorikan dalam istilah ini.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Dalam bab ini akan menerangkan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan perihal golongan belia yang tidak menyambung pengajian dalam bidang akademik dan kemahiran.

#### **2.2 Pendidikan Teknik dan Vokasional**

Menurut Kayan *et al.* (2010), pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) adalah merupakan satu sistem pendidikan yang berdasarkan penyediaan latihan khusus untuk kemahiran teknikal dan beberapa kemahiran yang lain. Sistem pendidikan ini juga boleh mewujudkan pelajar atau belia yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran pada masa hadapan.

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam sistem PTV diaplikasikan melalui pelbagai segmen dalam hasil pembelajaran PTV dan objektif mesti dicapai berdasarkan standard yang ditetapkan oleh industri. Penilaiannya bertujuan untuk memastikan setiap pelajar mencapai semua keputusan dalam kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh industri. Namun begitu, pengetahuan dan kemahiran sahaja tidak mampu melengkapkan pelajar untuk berada dalam dunia luar.

Oleh itu, penerapan modal insan dalam pendidikan PTV harus diberi perhatian sebagai satu medium yang boleh digabungkan dengan unsur-unsur pendidikan dan memberikan kesan yang lebih baik kepada individu, institusi pendidikan kemahiran malahan dalam aspek pembangunan negara. Penerapan modal insan harus dimulakan diperingkat awal pendidikan jika mahu melahirkan generasi yang berkemahiran tinggi disamping memiliki ciri-ciri modal insan kelas pertama.

Penulisan ini menggarap isu-isu berkaitan dengan peranan PTV dalam membangunkan potensi individu secara menyeluruh supaya menampilkan ciri-ciri modal insan yang mempunyai minda kelas pertama yang sering diperdebatkan akhir-akhir ini.

### **2.2.1 Modal Insan Melalui Pembangunan Sumber Manusia**

Menurut Awang, Ismail dan Makhbul (2009), modal insan merupakan sesuatu yang dimiliki manusia yang menjadikan ia lebih berkualiti. Pelaburan jangka panjang secara makro dalam usaha untuk meningkatkan modal insan yang berkualiti memerlukan program seperti pendidikan, latihan, penghijrahan dan kesihatan. Ia merupakan strategi yang dilakukan untuk mencapai matlamat perancangan tenaga manusia yang telah ditetapkan. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2006), pembangunan modal insan adalah bersesuaian dengan kehendak industri dan pasaran masa akan datang. Antara ciri-ciri modal insan yang ingin diwujudkan ialah individu yang mampu berfikir dengan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang baru, mampu berhadapan dengan persekitaran yang semakin maju dan berubah-ubah. (Abdullah, 2006).

Melalui pembangunan sumber manusia, tahap produktiviti setiap tenaga pekerja dapat dipertingkatkan. Ini dapat menyediakan tenaga manusia yang cukup mengikut kemahiran yang diperlukan dan seterusnya mencapai kecekapan penggunaan sumber manusia dalam sesebuah ekonomi. Kepentingan meningkatkan modal insan bukan sahaja perlu ditekankan pada peringkat makro atau nasional, malah ia perlu ditekankan pada peringkat organisasi. Pembangunan dan pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan akan menghasilkan modal insan yang berkualiti, produktif dan seterusnya akan meminimumkan masalah yang berkaitan dengan sumber manusia seperti ketaksepadanan, produktiviti rendah, ketidakhadiran, ketidakpuasan kerja, pusing ganti pekerja dan kecuaian di tempat kerja.

Tambahan pula, dalam menghadapi proses pembangunan yang sentiasa berkembang, dinamisme dalam kemahiran manusia adalah diperlukan. Contohnya mereka yang berpendidikan rendah dan kurang mahir mampu berubah dan berpeluang untuk terus meningkatkan tahap pendidikan ke peringkat lebih tinggi serta mampu menguasai pelbagai kemahiran. Pada masa kini, tenaga kerja yang

diperlukan adalah yang efisien, boleh mengaplikasikan pengetahuan dengan berkesan, inovatif, celik komputer dan boleh mengadaptasikan diri mereka kepada sebarang bentuk perubahan dan cabaran. Ciri-ciri tersebut mendorong kepada penyusunan semula dari segi orientasi pembelajaran, penekanan pendidikan dan latihan dan kepekaan terhadap perubahan dalam merangka strategi pembangunan dan pengurusan sumber manusia yang berkesan bagi meningkatkan kualiti modal insan negara. Justeru, pembangunan sumber manusia adalah amat penting kerana manusia dirujuk sebagai modal yang dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara. Pembangunan sumber manusia juga boleh ditakrifkan sebagai penyepaduan pembangunan individu, pembangunan kerjaya dan pembangunan organisasi bagi mencapai produktiviti, peluang dan pengisian maksimum.

### **2.2.2 Minda Kelas Pertama**

Fokus PTV kearah melahirkan modal insan berkemahiran tinggi perlu ditransformasikan kepada pembangunan insan berminda kelas pertama. Pembangunan modal insan berminda kelas pertama yang bermutu tinggi melalui PTV pada hari ini menjadi salah satu keperluan. Secara ringkasnya ciri-ciri modal insan berminda kelas pertama mampu memenuhi keperluan pembangunan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia. Ciri-ciri tersebut merangkumi aspek penguasaan ilmu yang tinggi, sikap proaktif, kekayaan moraliti dan budaya yang menyumbang untuk kepentingan bersama dan pembangunan yang bersifat holistik. Inilah yang boleh dilabelkan sebagai agenda pembangunan tamadun dengan acuan imej tersendiri. Berbeza dengan sikap kelas minda ketiga iaitu malas bekerja, suka berlengah (*procrastination*), membuang masa, tidak berhemat, kerja sambil lewa, tidak bersemangat dan leka dan sebagainya merupakan sikap yang harus dihindari.

Menurut Zakaria (2006), minda kelas pertama tidak bercambah jika ukuran ilmu hanya diasaskan kepada jenis sijil dan tahap kelayakan akademik sahaja. Dalam persekitaran merangsang pembangunan minda kelas pertama, ukuran ilmu dan pencapaian ialah kegigihan, iltizam, sumbangan konkrit dan gaya hidup berasaskan kepentingan nilai ilmu. Disinilah perlunya penambahbaikan, inovasi, penyelidikan dan reka cipta serta digabungkan dengan unsur nilai-nilai murni dalam merealisasikan capaian minda kelas pertama yang diinginkan. Dalam erti kata lain,

mewujudkan insan berminda kelas pertama adalah mewujudkan insan berilmu dan dapat membezakan keburukan dan kebaikan serta melaksanakan tanggungjawabnya dengan adil terhadap dirinya, masyarakat serta dalam konteks lebih besar iaitu alam.

Minda Kelas Pertama merupakan cetusan idea YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam satu ucapan beliau pada 06 Mac 2003 berhubung konsep *first world infrastructure, but third world mentality* dan menjadi teras ke-2 dalam Misi Nasional untuk meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. Seterusnya konsep minda kelas pertama telah diutarakan oleh YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9). Minda Kelas Pertama akan menghasilkan kerja kelas pertama. Hal ini bermakna kerja kelas pertama bermula dengan individu yang memiliki pemikiran, emosi, perlakuan, sikap dan spiritual (Ahmad, 2007).

Minda kelas pertama berteraskan kepada tiga faktor penting iaitu ketangkasan kerja, ketepatan kerja dan keberhasilan kerja. Ketangkasan kerja bagi individu yang berminda kelas pertama mencerminkan kecekapan, kecepatan, kecergasan dan kepantasan dalam menghasilkan kerja dengan tepat dan betul tanpa adanya kecacatan, kelewatan, kelembapan, kelengahan, kemalasan dan pembaziran. Dari segi ketepatan kerja pula, segala tindakan-tindakan yang terlibat dalam proses kerja akan dilakukan dengan cepat, jitu dan tepat untuk menghasilkan kerja yang cepat dan tepat tanpa sebarang kecacatan. Melakukan sesuatu perkara dengan cepat dan betul pada kali pertama dan sentiasa cepat dan betul adalah kualiti individu yang berminda kelas pertama. Faktor yang terakhir adalah keberhasilan kerja. Keberhasilan kerja adalah output daripada usaha seseorang individu. Output yang dihasilkan adalah perbandingan antara hasil yang ditetapkan dengan hasil yang dicapai.

Terdapat beberapa peranan dalam sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional dalam melahirkan modal insan kelas pertama. Satu kajian yang dilakukan oleh Tajudin (2005) menyatakan bahawa sekiranya pelajar mempunyai kemahiran teknikal tapi tidak diterapkan sekali dengan kemahiran nilai, maka kualiti kerja pelajar tersebut tidak semestinya akan bagus dalam masa yang panjang. Sebaiknya kemahiran perlu diintegrasikan untuk mencari keberkesanan kurikulum dan hasil yang memberangsangkan secara menyeluruh. Maka selain kemahiran, pengetahuan nilai juga penting untuk melengkapkan diri dalam dunia pekerjaan.

Secara dasarnya, pembangunan modal insan berminda kelas pertama tertumpu kepada penyediaan saluran kepada pendidikan. Melalui perkembangan

terkini, negara kita telah melaksanakannya dengan baik. Pendidikan berteraskan modal insan terus menerima impak tertinggi terutama dalam perkembangan Pendidikan Teknik dan Vokasional. Dalam hal ini, gabungan institusi PTV bersama-sama pihak kerajaan dan juga swasta diperlukan dalam menambahbaik aktiviti pembangunan sumber manusia. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan ialah menubuhkan lebih banyak institusi pendidikan dan latihan, menambah lagi kursus-kursus yang bersesuaian dengan keperluan pasaran buruh serta menerapkan kualiti pendidikan modal insan melalui kurikulum serta meningkatkan kemahiran tenaga pengajar. Dengan ini negara kita akan dapat melahirkan lebih banyak sumber manusia yang berkualiti dan seterusnya meningkatkan produktiviti kerja, output negara, pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Negara yang seiring dengan hasrat PTV melahirkan pekerja modal insan kelas pertama.

Sesungguhnya dalam usaha melahirkan modal insan pemikiran kelas pertama adalah dengan memahami antara satu sama lain. Setiap individu mesti mengakui akan persamaan dan bersyukur dengan perbezaan serta kekuatan, dan dengan cara ini dapat menjadi lebih kuat untuk menghadapi dunia bersama. Selain itu, Pendidikan Teknik dan Vokasional juga mampu bergerak lebih jauh lagi ke hadapan. Bayangkan apa yang dapat dicapai sekiranya setiap kanak-kanak serta anak muda menyedari potensi mereka tanpa mengira bangsa dan keturunan bagi menjaga kepentingan bersama demi masa depan negara.

### **2.3 Implikasi Belia Yang Tidak Menyambung Pengajian**

Menurut Bahrom (2004), taraf pendidikan belia yang terlibat dalam kesalahan juvana adalah dalam kalangan pelajar yang tercicir dalam pembelajaran. Kenyataan ini membuktikan taraf pendidikan mampu menjadi faktor untuk tidak terlibat dalam kesalahan jenayah. Ada diantara belia yang tidak membuat apa-apa selepas habis belajar contohnya hanya melepak di kedai dan pusat membeli belah. Ini memberi kesan yang tidak baik terhadap masa depan negara kerana belia merupakan harapan negara untuk membangunkan negara pada masa hadapan. Belia yang tidak menyambung pelajaran juga tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk berjuang dalam dunia yang semakin berubah dan mencabar. Namun ada di antara belia yang memilih untuk tidak menyambung pengajian kerana ingin mengejar duit

dan mencapai kemahuan mereka dengan cepat. Hal ini adalah kerana belia lebih berminat untuk mengejar apa yang mereka minati daripada belajar sesuatu perkara yang mereka tidak minat.

#### **2.4 Kerjaya Belia**

Sejarah pasaran buruh Malaysia yang begitu ketat pada pertengahan tahun 1997 akibat kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia di pertukaran asing telah mendorong kepada kadar pengangguran di bawah paras 5 peratus pada ketika itu. Terbaru, dianggarkan majoriti belia masih dalam kategori mencari pekerjaan, sebahagian lagi menceburi sektor swasta manakala sebahagian lagi berkhidmat dengan sektor kerajaan (Othman, 2002). Statistik tersebut telah membuktikan bahawa belia tidak semestinya akan mendapat pekerjaan yang diinginkan sekiranya tahap pendidikan para belia tidak mencapai keperluan yang diinginkan oleh organisasi.

Sehingga tahun 2005, seramai 80,000 siswazah di Malaysia dianggarkan menganggur dimana ia terdiri daripada siswazah yang mempunyai ijazah dan diploma dari Institusi Pengajian Tinggi sama ada daripada dalam negara atau luar negara. Menurut Othman (2002), keadaan lebih menyedihkan kerana dianggarkan seramai 46,000 orang siswazah yang menganggur itu adalah terdiri daripada bangsa Melayu berbanding 18,000 bangsa-bangsa lain. Kaum Melayu banyak mendapat keistimewaan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Mereka perlu sedar bahawa siswazah pada hari ini berbeza dengan siswazah pada dekad 70-an dan 80-an. Hal ini kerana pada zaman itu, individu yang memiliki ijazah mempunyai masa depan yang cerah kerana mudah memperoleh pekerjaan yang elit dan terjamin. Tambahan pula, dengan situasi kos sara hidup yang rendah dan jumlah pendapatan yang lumayan, maka tidak hairanlah penjawat awam pada masa itu mengecapi kehidupan yang mewah. Keadaan ini berbeza dengan zaman kini yang mempunyai kos sara hidup yang tinggi dan memerlukan bukan hanya sijil tetapi kemahiran yang tinggi dalam mencari pekerjaan.

Belia pada masa kini memilih pekerjaan berdasarkan kawasan tempat tinggal dan kelas. Seramai 53.6% adalah belia yang bekerja sepenuh masa, 33.2% belia bekerja separuh masa dan 13.2% belia bekerja dalam pekerjaan yang bermusim. Belia luar bandar lebih berminat untuk bekerja separuh masa dan bekerja dalam



pekerjaan yang bermusim manakala belia di kawasan bandar lebih suka bekerja sepenuh masa. Contohnya, 61% daripada golongan belia bandar mempunyai kerja sepenuh masa manakala sebanyak 42% sahaja belia luar bandar yang mempunyai pekerjaan sepenuh masa. 21% daripada belia luar bandar pula bekerja dalam pekerjaan yang bermusim berbanding hanya 7.7% daripada belia bandar (UNFPA/SCFA,2008).

## **2.5 Impak Belia Yang Menganggur**

Berdasarkan buletin kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia edisi 1/2010, insiden pengangguran di kalangan belia pada masa ini masih lagi dianggap signifikan. Bilangan keluaran graduan tahunan daripada Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dianggarkan berjumlah 200,000 orang (IPPBM, 2010). Keupayaan sektor pekerjaan awam dan swasta untuk menyerap mereka adalah terhad serta dipengaruhi oleh banyak faktor. Sehubungan itu, kajian ke atas belia berijazah yang menganggur telah dilaksanakan dengan berfokuskan kepada profil belia menganggur, keperluan, status dan keadaan (*situational*) belia di samping menilai impak ke atas keadaan sosial, ekonomi dan politik negara.

Melalui kajian yang telah dilaksanakan dengan menggunakan senarai pencari kerja (*job seekers*) yang berdaftar di Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengajian Tinggi serta agensi-agensi berkaitan, sebanyak 5,388 responden telah diperolehi sebagai sampel kajian. Sehubungan itu, analisa kajian yang telah dijalankan ke atas responden dan dapatan yang diperolehi dianalisis berdasarkan status pekerjaan dan aktiviti sosial (IPPBM, 2013).

### **2.5.1 Status Pekerjaan**

Sebanyak 33% daripada responden kajian adalah bekerja di bawah kelayakan, 34% responden pula melanjutkan pelajaran dan 33% responden tidak bekerja. Sebanyak 88% belia yang menganggur adalah pencari kerja yang aktif dimana belia tersebut tidak berputus asa dalam meneruskan usaha mencari pekerjaan. Tempoh menunggu untuk mendapatkan pekerjaan adalah:

- i. Kurang daripada enam bulan adalah 52% dari jumlah belia.
- ii. Melebihi enam bulan tetapi kurang satu tahun 34% belia.
- iii. 14 % belia melebihi satu tahun mencari pekerjaan.

Sebanyak 70% mencari pekerjaan menggunakan khidmat agensi, akhbar dan internet dan sebanyak 53% beranggapan maklumat pasaran pekerjaan tidak mencukupi dan sukar untuk diakses. Hampir 80% menyatakan mereka tidak pernah menerima perkhidmatan kaunseling selepas menamatkan pengajian dan hanya 39% yakin untuk memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan akan datang (IPPBM, 2013). Ini membuktikan bahawa pelajar yang tidak mempunyai cukup kemahiran dalam diri mereka akan menyukarkan lagi proses pencarian pekerjaan.

### 2.5.2 Aktiviti Sosial

Menurut analisa yang dijalankan oleh IPPBM (2013), didapati sebanyak 20% belia menganggur yang berpersatuan, dan majoritinya 80% tidak berpersatuan. Hanya 18% yang menyertai program Kementerian Belia dan Sukan. Sebanyak 65% menggunakan masa lapang dengan aktiviti bersukan, 64% *window shopping*, 61% mengunjungi rakan, 55% melayari internet dan 48% menonton wayang (hiburan). Daripada keputusan kajian ini, masih ramai belia yang tidak tahu untuk menggunakan masa terluang dengan aktiviti yang berfaedah. Ini merupakan salah satu pembaziran modal negara. Mereka sepatutnya menyambung pengajian mereka dalam bidang akademik ataupun latihan kemahiran agar para belia tidak hanya membuang masa melakukan perkara yang tidak berfaedah. Selain menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran, ianya akan lebih memberi manfaat untuk sekarang dan masa hadapan.

### 2.6 Faktor Belia Tidak Menyambung Pengajian

Hasil kajian Adam et. al, (2009) yang bertajuk memperkasakan pendidikan luar bandar mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan belia tidak menyambung pengajian iaitu kemiskinan, kurang perhatian terhadap pendidikan, tiada motivasi belajar, kesukaran merubah persepsi dan kesukaran saluran teknologi.

Berdasarkan statistik dalam portal rasmi Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, kadar kemiskinan dalam Malaysia pada tahun 2009 untuk penduduk luar bandar ialah 8.4% berbanding penduduk bandar iaitu 1.7%. Pendapatan garis kemiskinan (PGK) di semenanjung Malaysia ialah RM 763. Walaupun kadar kemiskinan di Johor semakin menurun iaitu 1.3%, namun masih ramai keluarga berada pada bawah tahap PGK. Ini menyebabkan ramai belia luar bandar memilih untuk tidak menyambung pengajian dan terus mencari pekerjaan setelah tamat sekolah.

Hasil kajian daripada UNFPA/SCFA (2008) mendapati bahawa 31.7% belia daripada Syria tidak menghabiskan pengajian mereka di sekolah menengah, sekolah tinggi atau di univerviti. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan belia di Syria tidak menghabiskan pengajian mereka dan ia berbeza mengikut jantina. Seramai 33.3% belia lelaki menyatakan bahawa mereka tidak menghabiskan atau menyambung pengajian mereka disebabkan oleh membantu keluarga dari segi kewangan berbanding dengan 4.5% daripada belia perempuan. Manakala 11.9% daripada belia perempuan yang tidak menyambung pengajian memberi alasan untuk berkahwin, 10% memberi alasan untuk membantu kerja-kerja rumah dan 12.4% menyatakan bahawa keluarga tidak membenarkan belia untuk menyambung pengajian. Statistik yang membimbangkan iaitu seramai 11.9% belia perempuan dan 11.7% belia lelaki tidak berjaya menyambung pengajian kerana gagal dalam menyambung pengajian.

Berdasarkan artikel daripada Prabhudesai (2012), beliau menyatakan bahawa faktor pengangguran dikalangan belia luar bandar adalah kurang kemahiran, tahap pendidikan yang rendah dan agak ketinggalan. Melalui pendedahan dalam program pembangunan kemahiran di kalangan belia, ia dapat menarik minat belia untuk menyambung pelajaran dalam bidang kemahiran dan mengetahui bahawa pentingnya kemahiran dalam diri individu. Program yang dijalankan di luar bandar juga amat diperlukan untuk memastikan belia di kawasan luar bandar mendapat peluang untuk mencapai tahap pendidikan yang terbaik dan kemahiran yang bagus untuk berjaya dalam kehidupan mereka. Peluang yang boleh dicadangkan dalam program tersebut ialah seperti latihan praktikal, pekerjaan dan biasiswa.

## **2.7 Kaedah Menggalakkan Pendidikan Luar Bandar**

Antara kaedah untuk menggalakkan para belia bagi menyambung pelajaran ialah dengan mengadakan lebih banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa dan pelajar. Contohnya ialah pelaksanaan mata pelajaran vokasional di sekolah akan diperluaskan dan peruntukan belanja bagi sekolah dipertingkatkan agar pihak sekolah memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar. KPM juga memainkan peranan dalam proses menarik minat belia untuk menyambung pengajian iaitu dengan menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kurikulum sekolah dan lebih menekankan kemahiran dalam pembelajaran.

## **2.8 Rumusan**

Berdasarkan sorotan kajian tersebut, terdapat banyak kesan negatif berbanding kesan positif terhadap belia yang tidak menyambung pengajian tidak kira dalam bidang akademik mahupun kemahiran.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan beberapa elemen-elemen yang berkaitan dengan langkah-langkah dan kaedah pelaksanaan kajian yang telah dijalankan sepanjang penyelidikan. Menurut Ranjit (2005), metodologi merupakan kaedah saintifik untuk menghuraikan pendekatan dan kaedah yang digunakan dalam sesuatu penyelidikan. Beberapa aspek yang berkaitan dengan kaedah kajian dan prosedur kajian dihuraikan dengan lebih jelas dan mudah difahami.

Selain itu, semua langkah-langkah dan aspek yang berkaitan dengan kajian diterangkan dengan jelas dan terperinci. Metodologi kajian yang digunakan haruslah konsisten supaya tidak menyeleweng, berdasarkan apa yang sepatutnya dilakukan. Antara proses yang diterangkan ialah reka bentuk kajian, kerangka operasi kerja, lokasi kajian, populasi dan sampel kajian, instrumentasi kajian, kajian rintis, penganalisan data dan andaian kajian, pengukuran pembolehubah, prosedur pengumpulan data, dan pelan analisis data.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah berbentuk tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif. Kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian untuk pengumpulan data dan maklumat. Chua (2011) mengatakan kajian berbentuk kuantitatif ini adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang menerangkan suatu fenomena yang sedang berlaku. Kajian kuantitatif sinonim bagi mana-mana teknik pengumpulan data seperti soal selidik

atau prosedur analisis data seperti graf dan statistik yang menghasilkan atau menggunakan data berangka (Saunders dan Thornhill, 2009).

Kajian yang dilakukan adalah untuk mengetahui sejauh mana potensi peningkatan tahap pendidikan dan kemahiran bagi komuniti belia di luar bandar yang tidak menyambung pengajian. Reka bentuk kajian yang sesuai akan membantu mendapatkan maklumat belia yang tidak menyambung pengajian serta faktor – faktor yang menyebabkan golongan tersebut tidak meneruskan pengajian dan inisiatif yang telah mereka laksanakan.

### 3.3 Lokasi Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih 3 buah kampung di Parit Raja di sekitar daerah Batu Pahat, Johor. Antaranya adalah:

Jadual 3.1: Lokasi Dan Sampel Kajian

Bil	Lokasi	Bilangan responden
1	Kampung Haji Ali, Parit Raja, Johor	53 orang
2	Kampung Parit Daun, Parit Raja, Johor	
3	Kampung Parit Lapis, Parit Raja, Johor	

### 3.4 Populasi dan Persampelan

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Responden dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan berdasarkan objektif kajian iaitu belia yang tidak menyambung pengajian dan tinggal di luar bandar. Populasi dalam kajian ini merupakan komuniti belia yang tinggal di luar bandar yang tidak menyambung pengajian. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Johor 2010, seramai 74 600 orang belia berumur 15 – 24 tahun di sekitar batu pahat, di mana dianggarkan seramai 5 000 orang adalah belia Parit Raja dan belia yang menetap dalam 3 buah kampung yang terlibat ialah seramai 100 orang.

Menurut Azizi et al, (2007), populasi merupakan unit atau subjek yang terlibat dalam kajian yang ingin dijalankan. Manakala persampelan merupakan strategi penyelidikan dimana penyelidik boleh mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi tersebut. Sebahagian individu yang diambil melalui persampelan bagi mewakili sesuatu populasi yang dikaji dinamakan sampel.

Memilih sampel dari satu populasi yang dikaji mengikut tujuan kajian dinamakan persampelan bertujuan. Biasanya, pensampelan ini adalah untuk kajian awalan atau penerokaan dan juga untuk menguji sesuatu teori. Dalam pensampelan bertujuan, penyelidik memilih responden mengikut pertimbangannya sendiri iaitu yang paling sesuai dengan tujuan kajian ini dimana hanya komuniti belia luar bandar yang tidak menyambung pengajian sahaja yang akan dijadikan responden. Hal ini dinyatakan oleh Marican (2005) bahawa persampelan bertujuan sering kali dikaitkan dengan persampelan penilai atau pakar *judgemental*. Lazimnya, individu yang terpilih sebagai responden dalam persampelan bertujuan mempunyai segala maklumat, perspektif atau apa saja bahan yang berkaitan dengan tujuan kajian penyelidik. Kelebihan persampelan ini ialah penyelidik boleh menggunakan kemahiran dan pengetahuannya yang lalu dalam memilih subjek kajian dalam kajiannya yang akan datang.

### **3.5 Instrumentasi Kajian**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik. Penggunaan soal selidik amat sesuai digunakan kerana ianya lebih praktikal dan berkesan untuk digunakan dalam kajian yang mempunyai populasi yang besar (Chua, 2011). Instrumen kajian ini diadaptasi oleh Hartl (2009). Penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh penyelidik. Instrumen kajian penting dalam proses mendapatkan data dan merupakan satu alat ukur bagi penyelidikan dan penting bagi mencapai objektif dalam penyelidikan. Soal selidik ini akan dibahagikan kepada empat bahagian. Setiap bahagian ini berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan.

## RUJUKAN

- Abdullah, M. (2006). "Semua Bersiap Sedia Hadapi RMK-9". *Utusan Malaysia*.
- Abdul, R. S. M. R.(2008). *Peluang Dan Cabaran Pendidikan Dalam Kalangan Masyarakat Luar Bandar : Satu Kajian Kes Isi Rumah Melayu Miskin Di Jajahan Bachok, Kelantan*. Universiti Sains Malaysia: Tesis Sarjana
- Adam, Z., Kassim, F. & Salleh, M. J. (2009). *Memperkasakan Pendidikan Luar Bandar. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009 Sabah. Anjuran: Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial*. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Ahmad, A. (2007). *Latihan Industri Membuka Peluang Pekerjaan kepada Graduan Lulusan Politeknik Malaysia*. UTHM : Tesis Sarjana.
- Ali, M. & Nordin, S. (2010). Hubungan Antara Kemahiran Berfikir Kritis Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysi. *Jurnal Teknologi*, 45-55.
- Awang, A. H., Ismail. R., & Makhbul. Z. M., (2009). *Pembangunan dan Pengurusan: Modal Insan Negara*, Penerbit: Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UKM.
- Azizi, Y., Shahrin, H., Jamaludin, R., Yusof, B., & Abdul, R. H. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan Selangor*. PTS Professional Publishing Sdn Bhd
- Bahrom, H. (2004). *Remaja, Kemiskinan dan Juvana Suatu Realiti? Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme (Sivic 2004)*. Anjuran: Jabatan Pengajian Umum Fakulti Sains Kognitif Dan Pendidikan Universiti Utara Malaysia.
- Bakar, Z. A. & Tumin, F.. (2011). Hubungan di antara Minat Pelajar dan Sikap Ibu Bapa dengan Prestasi Terbaik Pelajar. *Jurnal Pendidikan Psikologi Dan Kaunseling*.
- Chua, Y. P.(2011). *Kaedah penyelidikan (Kaedah dan Statistik Penyelidikan)*. Mc.Grow Hill Education. Edisi Kedua.



- Cristine, Y. N. & Tom, F. (2000). *Vacational Psychology The Study of Vocational Behavior and Development*. London : Mc Craw Hill Book Company.
- Crow & Crown (1980). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Putaka.
- Ghafar, M. N. A. (2003). *Reka bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gliem, J. R., & Gliem, R. R. (2003). *Calculating, Interpretation and Reporting Cronbach's Alpha Reliability Coefficient For Likert-Type Scale*. Columbus: The Ohio State University. Ms 3-10.
- Hartl, M. (2009). *Technical and Vocational Education and Training (TVET) and Skills Development for Poverty Reduction-Do Rural Women Benefit*. Italy: International Fund for Agricultural Development.
- Hassan, F. A., Ishak, N., Yusof, H., & Rahim, H. A. (2005). Kemiskinan Dan Pendidikan: Perubahan Minda Orang Melayu Ke arah Kecemerlangan Pendidikan Akademik. *Jurnal Pendidikan: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia*. 25-56.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2013). Retrieved October 25, 2013, from <http://www.ippbm.gov.my/>.
- Irwan, R. (2010) *Transformasi PTV ke arah melahirkan modal insan kelas pertama*. Edupress 2010.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2013). Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. Retrieved November 25, 2013, from <http://www.statistics.gov.my>.
- Jandhyala, B. G. T. (2002). *Vocational Education and Training In Asia. The Handbook on Educational Research in the Asia Pasific Region*. New Delhi: Kluwer Academic Publishers.
- Kayan, I. C., Hamzah, R. & Udin, A. (2010). *Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional : Membentuk Pemimpin Masa Depan* 1-8.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). "Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006- 2010". <http://www.moe.gov.my/tayang.php?laman=home&bhs=my>.  
Tarikh capaian 17hb Februari 2007.